



**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI**

## **SIARAN MEDIA**

### **SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BAGI PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah mengadakan sesi libat urus penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) bersama Kerajaan Negeri Sembilan hari ini yang telah dipengerusikan secara bersama oleh YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan dan YB Senator Dr. Radzi Jidin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi.

Penyediaan RMKe-12 ini akan mengambil pendekatan selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri untuk merapatkan jurang ekonomi, menstruktur semula ekonomi serta membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu-padu dan hidup dalam harmoni agar Malaysia menjadi paksi untuk ekonomi Asia menjelang tahun 2030.

Di bawah Rolling Plan 4 (2019) RMKe-11, Negeri Sembilan telah diperuntukkan sejumlah RM809 juta atau 1.5% daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan. Jumlah peruntukan ini telah meningkat 17.4%, iaitu sebanyak RM120 juta berbanding RM689 juta pada tahun 2018.

Dalam usaha merancakkan pertumbuhan ekonomi, Kerajaan Persekutuan menyokong sepenuhnya pelaksanaan Malaysian Vision Valley (MVV) yang meliputi dua daerah utama di Negeri Sembilan iaitu Seremban dan Port Dickson serta Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2019-2040 yang memberi tumpuan kepada pembangunan luar bandar di Rembau, Tampin, Jempol, Jelevu dan Kuala Pilah. Ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan untuk merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar terutamanya dalam mempertingkatkan infrastruktur luar bandar untuk memacu sosioekonomi, serta menggalakkan integrasi ekonomi yang lebih baik untuk menjana pendapatan serta peluang pekerjaan.

Turut hadir di sesi libat urus ini ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan, YBhg. Tuan Masri Razali, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Pengarah-Pengarah Bahagian Kementerian Hal Ehwal Ekonomi serta ketua-ketua agensi dan jabatan di bawah Kerajaan Negeri dan Jabatan Persekutuan di Negeri Sembilan.

**Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

**20 Ogos 2019**